



**SIARAN AKHBAR**  
**TAKLIMAT MENGENAI PENIPUAN KEWANGAN**  
**ANJURAN BERSAMA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)**  
**DENGAN BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA)**  
**31 JANUARI 2015**

---

Bahagian Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan (BPKP), Autoriti Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) telah mengadakan satu taklimat mengenai dengan Penipuan Kewangan yang diadakan pada 31hb Januari 2015 di Dewan Utama, BINA. Taklimat ini bertujuan untuk menyemai dan memberigakan kesedaran mengenai dengan isu-isu penipuan kewangan dan usaha untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsanya. Seramai 80 orang ahli-ahli lembaga pengarah koperasi dari Brunei Muara, Tutong, Kuala Belait dan Temburong telah hadir. Dalam taklimat tersebut, ahli-ahli lembaga pengarah koperasi telah disarankan untuk menghubungi terus BPKP jika mereka menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan sebarang skim penipuan kewangan yang juga ditawarkan kepada orang ramai. Turut hadir dalam sesi taklimat ini Awang Haji Metassan Haji Salim, Pemangku Pengarah BINA dan pegawai-pegawai kanan dari AMBD dan BINA.